



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 15 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	PROGRAM SMART SBB TINGKATKAN SARA DIRI BERAS DI SABAH, DALAM NEGERI, UM -36 SMART SBB KE 10 LOKASI, NEGARA, KOSMO -16 KPKM KERJASAMA DENGAN PBT TRANSFORMASIKAN PASAR TAMU, SH -ONLINE RM33.59 JUTA UNTUK SABAH BANGUN, OPTIMUMKAN PENGGUNAAN TANAH BAGI AGROMAKANAN, ASTRO AWANI -ONLINE TRANSFORMASI PASAR TAMU TANPA HILANGKAN IDENTITI, KEUNIKAN -MOHAMAD, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE 81 PESAWAH DI KOTA BELUD SERTAI PROGRAM SMART SBB ALA SEKINCHAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE SMART SBB ALA SEKINCHAN SASAR 100 HEKTAR TANAMAN PADI DI KOTA BELUD, BH -ONLINE RM33.59mil ALLOCATED TO SABAH TO DEVELOP, OPTIMISE LAND USE, SAYS MOHAMAD SABU, THE STAR -ONLINE SMART SBB INITIATIVE IN SABAH BOOSTS PADI YIELD BY 50%, THE SUN -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
10.	UMPSA TEROKAI POTENSI DALAM INDUSTRI NANAS, K2, KOSMO -29	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
11. 12.	AGROBANK PERUNTUKKAN RM200j BANTU PENEROKA MILIKI RUMAH, BISNES, BH -26 AGROBANK SEDIA RM200 JUTA UNTUK PENEROKA BELI RUMAH, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
13. 14.	BELI BERAS TEMPATAN GUNA KAD PENGENALAN, DALAM NEGERI, UM -14 TANGANI ISU ANJING LIAR, KENAIKAN HARGA MAKANAN, NASIONAL, SH -13	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



MOHAMAD Sabu (empat kiri) melancarkan **Rafflesia**, beras putih tempatan dihasilkan melalui program **SMART SBB** Kota Belud di Sabah, semalam.

Program SMART SBB tingkatan sara diri beras di Sabah

KOTA BELUD: Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diperluas ke Kampong Kesapang Tengah meliputi 175 hektar tanaman akan membantu meningkatkan lagi tahap sara diri (SSL) beras Sabah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, program SMART SBB membantu meningkatkan pengeluaran beras domestik seperti di Sekinchan, Selangor yang berjaya.

Beliau berkata, langkah itu meningkatkan pengeluaran beras tempatan dan meningkatkan SSL di Sabah serta memperkasa petani dengan pengetahuan dan teknologi yang mampu memaksimumkan hasil tanaman.

“Kejayaan program SMART SBB ala Sekinchan dikendalikan Padiberas Nasional Berhad (Ber-nas) membuktikan komitmen kementerian dalam mencapai matlamat pengeluaran beras tempatan di Sabah dan memastikan keterjaminan bekalan makanan negara, terutamanya dalam subsektor beras sentiasa mencukupi,” katanya semasa merasmikan program SMART SBB, di sini semalam.

Melalui program ini, Bernas mengemukakan penambahan empat buah mesin baharu yang boleh digunakan oleh peserta SMART SBB Kota Belud bagi meningkatkan pengeluaran padi melalui teknologi mekanisasi la-dang terkini.

Sebagai rakan strategik per-

laksanaan SMART SBB ala Se-kinchan, Bernas turut menyedi-akan sokongan kepada pesawah termasuk pengurusan ladang, jentera pertanian dan latihan serta modal pendahuluan untuk menampung kos operasi.

Setakat ini, seramai 81 pe-sawah menyertai program SMART SBB ala Sekinchan Ber-nas di 10 lokasi di Kota Belud.

Terdapat peningkatan hasil padi 1.6 tan metrik per hektar (TM/Ha) atau 62 peratus di ka-wasan Jawi-Jawi atau 2.6 TM/Ha kepada 4.2 TM/Ha.

Sejak diperkenalkan, pro-gram SMART SBB ala Sekinchan mencakupi lebih 1,904 hektar kawasan penanaman di 10 ne-geri, memberi manfaat kepada lebih 735 petani.

Optimum penggunaan tanah, tingkat pengeluaran beras

SMART SBB ke 10 lokasi


PETALING JAYA – Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan yang diselenggarakan oleh Kementerian Pertanian Nasional Berhad (Bernas) akan diperluaskan ke 10 lokasi di Kota Belud meliputi lebih 175 hektar kawasan tanaman.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, program SMART SBB mengoptimalkan penggunaan tanah dan mengamalkan amalan pertanian terbaik untuk meningkatkan pengeluaran beras domestik seperti di Sekinchan, Selangor yang telah terbukti berjaya.

"Kejayaan program SMART SBB Ala Sekinchan Bernas membuktikan komitmen kementerian dalam mencapai matlamat pengeluaran beras tempatan di Sabah.

Selain itu, program ini dapat memastikan keterjaminan bekalan makanan negara, terutamanya dalam subsektor beras, sentiasa mencukupi dan mampan," katanya semasa merasmikan program berkenaan di Kota Belud, Sabah baru-baru ini.

Katanya, sejumlah 81 pesawah telah menyertai program tersebut di 10 lokasi di Kota Belud sekali gus mencatatkan peningkatan hasil padi sebanyak 1.6 tan metrik atau 62 peratus di kawasan Jawi-Jawi.



MOHAMAD (dua dari kanan) ketika merasmikan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di Kota Belud baru-baru ini.

Susulan itu, Bernas mengumumkan penambahan empat buah mesin baharu yang boleh digunakan peserta program berkenaan dalam usaha untuk memajukan agenda ketertarikan makanan negara selain meningkatkan pengeluaran padi melalui teknologi mekanisasi ladang terkini.

"Ini menjadikan sumbangan keseluruhan syarikat Bernas kepada sembilan mesin dan dua set peralatan pertanian bernilai RM1 juta.

"Inisiatif ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan dan meningkatkan tahap sara diri beras (SSL) di Sabah, memperkasakan petani dengan pengetahuan dan teknologi yang mampu memaksimumkan hasil tanaman padi dan mendapatkan petani," katanya.

Jelasnya, Program SMART SBB Ala Sekinchan Bernas bermula sebagai projek rintis di Kota Belud pada Jun 2022 bertujuan untuk menyumbang secara langsung kepada SSL beras tempatan

di Sabah.

"Sebagai salah satu rakan strategik di dalam pelaksanaan SMART SBB Ala Sekinchan, Bernas turut menyediakan sokongan kepada para pesawah yang mengambil bahagian di dalam program ini termasuk pengurusan ladang, jentera pertanian dan latihan serta modal pendahuluan untuk menampung kos operasi.

"Ini selaras dengan dedikasi syarikat untuk meningkatkan taraf hidup komuniti pesawah di dalam negara," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

KPKM kerjasama dengan PBT transformasikan Pasar Tamu



SABAH - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan terus bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha mentransformasikan operasi Pasar Tamu tanpa menghilangkan identiti keunikannya.

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata, sehingga tahun 2023, FAMA telah membelanjakan RM5.36 juta terhadap kos naik taraf pasar tersebut.



Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Datuk Seri Mohamad Sabu (tiga kiri) kepada Pegawai Daerah Telupid, Celestine Jetony (tiga kanan)

“FAMA telah menaiktaraf enam pasar tamu sedia ada antaranya Pasar Tamu Sook Keningau (2017), Pasar Tamu Dataran Tomborongus, Kudat (2019), Pasar Tamu Kunak (2020), Pasar Tamu Beluran (2021), Pasar Tamu Tuaran (2023), dan terbaru

Pasar Tamu Telupid. Terdapat 41 tapak Pasar Tamu sedia ada yang akan dinaik taraf bermula tahun 2024 dengan kos RM10 juta.

“Meskipun Pasar Tamu ini telah dinaik taraf, ia masih mengekalkan budaya setempat dan mempromosikan produk usahawan serta bertujuan untuk meningkatkan tahap keusahawanan peserta pasar tamu. Operasi di Pasar Tamu masih sepenuhnya di bawah kendalian pihak PBT setempat,”katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Pasar Tamu Telupid kepada Majlis Daerah Telupid Sempena Road To MAHA 2024 @ Sabah di sini, hari ini.



Pasar Tamu merupakan pasar yang diadakan secara mingguan di Sabah dan Sarawak bagi menjual barangan tani.

Pembinaan Projek naik taraf Pasar Tamu Telupid ini telah bermula pada 20 Mac 2023 dan siap sepenuhnya pada 18 Mac 2024 dengan kos RM852,000.



Ia boleh memberikan peluang dan manfaat kepada 100 orang usahawan untuk menjalankan aktiviti perniagaan.

Turut berlangsung pada program itu ialah Jualan Agro MADANI yang menawarkan jualan pelbagai barangan keperluan agro-makanan seperti produk segar sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, ayam, daging dan telur pada harga 10 peratus ke 30 peratus di mana harga yang lebih murah dan berbaloi berbanding harga pasaran tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

RM33.59 juta untuk Sabah bangun, optimumkan penggunaan tanah bagi agromakanan



Mohamad berkata tujuh projek pembangunan agromakanan dibangunkan di Sabah melalui peruntukan itu. - Foto Bernama

KOTA KINABALU: Lebih RM33.59 juta disalurkan kepada Sabah dalam usaha membangun dan optimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil produk agromakanan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata peruntukan disalurkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) itu adalah sebahagian daripada RM150 juta diperuntuk kerajaan Persekutuan dalam Belanjawan 2024 bagi pelaksanaan projek pembangunan bersama kerajaan negeri.

Beliau berkata tujuh projek pembangunan agromakanan dibangunkan di Sabah melalui peruntukan itu, yang merupakan peruntukan tertinggi disalurkan berbanding negeri lain di negara ini.

"Projek itu antara lain termasuk pemerksaan ternakan bersepadu ruminan, pembangunan 23 pusat pengumpulan hasil tani, dan pemulihan sawah-sawah padi terbiar seluas 534.55 hektar. Selain itu ia juga melibatkan pembinaan kilang kopi dan pembangunan tanaman kontan keladi Cina.

"Peruntukan di bawah program ini telah disalurkan secara berperingkat kepada negeri Sabah pada 4 April dan 14 Mei lepas bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mohamad berkata semua projek itu akan dilaksana dan diselia Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI) melalui Jabatan Pertanian Negeri Sabah (DOA Sabah) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sabah (DVS Sabah).

Beliau berkata peruntukan itu juga memberi manfaat dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah seterusnya meningkatkan pendapatan taraf sosioekonomi negeri ini selaras dengan usaha meningkatkan nilai kadar saradiri (SSR) dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0.

Sementara itu menurut kenyataan berkenaan Mohamad telah mengadakan kunjungan hormat keatas Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor di kediaman rasminya di Seri Gaya di sini malam tadi

"Dalam pertemuan itu perbincangan menjurus kerjasama KPKM dengan kerajaan negeri bagi mengoptimumkan penggunaan tanah kearah keterjaminan makanan negara serta kerjasama dalam melaksanakan projek pembangunan.

"Ia juga meliputi pemerksaan sektor ternakan, tanaman dan aktiviti pengeluaran serta pemasaran produk hiliran di Sabah," menurut kenyataan itu.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri I Datuk Seri Dr Jeffery Kitingan yang juga Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, dan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup.

Mohamad kini berada di Sabah untuk lawatan empat hari bermula semalam dan lawatan itu turut melibatkan Konvoi Jelajah Road to MAHA@Sabah 2024 di Kota Kinabalu, Kota Belud, Kundasang, Telupid dan Sandakan.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Transformasi pasar tamu tanpa hilangkan identiti, keunikan – Mohamad



TELUPID – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam usaha mentransformasikan operasi pasar tamu tanpa menghilangkan identiti keunikannya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata,

pasar tamu diadakan secara mingguan di Sabah serta Sarawak bagi menjual barangan tani, dan meskipun pasar itu dinaik taraf ia masih mengekalkan budaya setempat sekali gus mempromosikan produk usahawan tempatan.

Beliau berkata, FAMA telah menaik taraf enam pasar tamu sedia ada antaranya Pasar Tamu Sook Keningau pada 2017, Pasar Tamu Dataran Tomborongus di Kudat (2019), Pasar Tamu Kunak (2020), Pasar Tamu Beluran (2021), Pasar Tamu Tuaran (2023), dan terbaru Pasar Tamu Telupid.

“Setakat tahun lepas FAMA telah membelanjakan RM5.36 juta bagi usaha menaik taraf pasar tamu itu, dan terdapat 41 tapak pasar tamu sedia ada yang akan dinaik taraf bermula tahun ini dengan kos RM10 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyerahan Pasar Tamu Telupid kepada Majlis Daerah Telupid Sempena Road To MAHA 2024 @ Sabah di sini hari ini.

Mohamad berkata, operasi pasar tamu masih sepenuhnya di bawah kendalian pihak berkuasa tempatan.

Berkaitan projek naik taraf Pasar Tamu Telupid itu, katanya pembinaannya bermula pada 20 Mac tahun lepas serta siap pada 18 Mac tahun ini dengan kos RM852,000 sekali gus memanfaatkan 100 usahawan untuk menjalankan perniagaan di pasar itu. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

81 pesawah di Kota Belud sertai Program SMART SBB Ala Sekinchan



KOTA KINABALU: Sebanyak 81 pesawah di 10 lokasi di Kota Belud telah menyertai Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengoptimumkan penggunaan tanah dan amalan pertanian terbaik.

Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dalam kenyataan memaklumkan projek rintis program itu di Jawi-Jawi, Kota Belud bermula pada 2022 telah meningkatkan pengeluaran padi daripada 2.6 metrik tan per hektar (TM/Ha) kepada 4.2 TM/Ha atau 62 peratus yang merupakan peningkatan signifikan kepada pendapatan pesawah.

Menurut kenyataan itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu telah merasmikan program itu untuk Kampung Kesapang Tengah di Kota Belud semalam melibatkan lebih 175 hektar kawasan sawah.

“Kejayaan program SMART SBB Ala Sekinchan BERNAS membuktikan komitmen bagi mencapai matlamat pengeluaran beras tempatan di Sabah dan memastikan keterjaminan bekalan makanan negara, terutamanya dalam subsektor beras, sentiasa mencukupi dan mampan,” menurut kenyataan itu hari ini.

BERNAS juga memaklumkan penambahan empat mesin baharu yang boleh digunakan oleh peserta SMART SBB Kota Belud dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi melalui teknologi mekanisasi ladang terkini.

“Ini merupakan sumbangan keseluruhan syarikat menjadikan kepada sembilan mesin dan dua set peralatan pertanian bernilai RM1 juta. Inisiatif ini juga antara lain bertujuan meningkatkan pengeluaran beras tempatan dan meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras di Sabah,” katanya.

Program SMART SBB Ala Sekinchan yang merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, BERNAS dan rakan kongsi lain kini mencakupi lebih 1,904 hektar di kawasan penanaman di 10 negeri memberi manfaat kepada 735 pesawah. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

SMART SBB Ala Sekinchan sasar 100 hektar tanaman padi di Kota Belud



KOTA BELUD: Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di Kawasan Pertanian Pembangunan Bersepadu (IADA) Kota Belud, di sini, menyasarkan penanaman padi membabitkan kawasan seluas 100 hektar di daerah ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata projek model rintis menggunakan teknologi dan cara kerja ladang terbaik seperti diamal pesawah di Sekinchan, Selangor itu akan diberi pemantauan dalam meningkatkan potensi keberhasilan.

"Ia sekali gus menjadi pemangkin semangat kepada penanam padi sawah di Sabah dan Sarawak.

"Pegawai kita akan pantau, lihat perkembangan termasuk daripada BERNAS (Padiberas Nasional Berhad) akan pantau bersama supaya kita mahu benar-benar berjaya.

"Apabila berjaya, ia akan menjadi semangat kepada pesawah di Sabah, mungkin juga di Sarawak bersama meningkatkan hasil penanaman padi ini," katanya ditemui selepas merasmikan Program SMART SBB Ala Sekinchan IADA Kota Belud sempena Jelajah Road to MAHA @ Sabah, di sini.



sebelumnya.

Petani menggunakan jentera moden untuk memindahkan benih padi di sawah Kampung Kesapang, Kota Belud.

Program SMART SBB Ala Sekinchan yang dilancar adalah kesinambungan Program SMART SBB yang dimulakan pada 2022 di daerah ini dengan catatan peningkatan purata hasil sebanyak 4.22 metrik tan berbanding 2.8 metrik tan pada tahun

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad berkata, lebih RM33.59 juta disalurkan kepada Sabah dalam usaha membangun dan optimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil produk agromakanan.

Katanya, peruntukan disalurkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan itu adalah sebahagian daripada RM150 juta diperuntukan Kerajaan Persekutuan dalam Belanjawan 2024 bagi pelaksanaan projek pembangunan bersama kerajaan negeri.

Beliau berkata, tujuh projek pembangunan agromakanan dibangunkan di Sabah melalui peruntukan tertinggi disalurkan, berbanding negeri lain di negara ini.

"Projek itu antara lain pemerksaan ternakanan bersepadu ruminan, pembangunan 23 pusat pengumpulan hasil tani dan pemulihan sawah-sawah padi terbiar seluas 534.55 hektar. Selain itu, ia juga membabitkan pembinaan kilang kopi dan pembangunan tanaman kontan keladi Cina," katanya.

Beliau berkata, peruntukan di bawah program ini disalurkan secara berperingkat kepada Sabah pada 4 April lalu bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jay

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	THE STAR	ONLINE	

RM33.59mil allocated to Sabah to develop, optimise land use, says Mohamad Sabu



KOTA KINABALU: Over RM33.59mil has been allocated to Sabah to develop and optimise land use, aimed at increasing agro-food product yield, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the allocation, part of the RM150mil provided for the ministry under the 2024 Budget for development projects with the state government, marks the highest allocation compared to other states.

The projects include the empowerment of integrated ruminant livestock, the establishment of 23 agricultural produce collection centres and the rehabilitation of 534.55 hectares of abandoned padi fields.

Additionally, it involves the construction of coffee mills and the cultivation of cash crops such as Chinese yam.

"The allocation has been disbursed in stages to Sabah on April 4 and May 14 to ensure successful implementation of these programmes," he said in a statement here on Saturday (July 13).

All projects will be implemented and supervised by the Sabah Agriculture, Fisheries and Food Industry Ministry through the Agriculture Department (Sabah DOA) and the State Veterinary Services Department (Sabah DVS).


He said the allocation will also benefit Sabah by creating more job opportunities, thereby boosting the state's socioeconomic level in line with efforts to enhance the self-sufficiency rate (SSR) as outlined in the National Agro-Food Policy 2.0.

According to the statement Mohamad paid a courtesy call to Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor at his official residence in Seri Gaya last night, where Deputy Chief Minister I Datuk Seri Dr. Jeffery Kitingan, who is also the state Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister, and Agriculture and Food Security Deputy Minister Datuk Arthur Joseph Kurup were present.

Mohamad is on a four-day working visit to Sabah starting July 12, which includes the Road to Maha@Sabah 2024 Convoy Tour in Kota Kinabalu, Kota Belud, Kundasang, Telupid and Sandakan. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	THE SUN	ONLINE	

SMART SBB initiative in Sabah boosts padi yield by 50 %



Agriculture and Food Security Minister, Datuk Seri Mohamad Sabu. - BERNAMApix

KOTA BELUD: The Large-Scale Smart Padi Field (SMART SBB) Programme in Sabah has raised padi production by 50 per cent, increasing yields from 2.8 tonnes to 4.22 tonnes in the participating areas, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said that the programme involved 16 participants from Taun Gusi Peninting, who carried out planting this season on a 17-hectare padi field.

Mohamad said that SMART SBB has garnered interest from a local factory, Kilang Padi Sri Sino Sdn Bhd, which aims to develop a total of 100 hectares of padi fields for this programme.

“This programme reflects the Ministry of Agriculture and Food Security’s (KPKM) commitment to ensuring that the country’s food supply, especially in Sabah, remains sufficient and resilient.

“It also aims to promote sustainable agricultural practices in padi production, starting with Jelapang Padi Sabah as an exemplary model for other cultivation areas,” he said during his visit to the SMART SBB project area here today.

Also present was Deputy Minister of Agriculture and Food Security Datuk Arthur Joseph Kurup.

According to Mohamad, KPKM is working to implement three projects in Kota Belud aimed at providing a more sustainable irrigation and drainage system for the 2,100-hectare padi cultivation area, with an allocation of RM66.87 million.

He added that to boost padi cultivation productivity, the government has established a standard floor price of RM1,300 for paddy purchases in Sabah, Sarawak, and the peninsula last February.

“This not only supports the padi and rice industry in Sabah and Sarawak, ensuring its sustainability and competitiveness, but also helps increase the income of padi farmers, encouraging them to boost production,” he said.

Mohamad said that in October last year, the government took a proactive measure to stabilise the supply and price of rice in Sabah, Sarawak, and Labuan by providing a subsidy of RM950 per tonne for the imported white rice (BPI) wholesale price.

"It has had a positive effect on BPI's retail market prices, bringing them to around RM28 to RM30 for a 10-kilogramme bag in Sabah, Sarawak, and Labuan," he said

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	KOSMO	K2	29



YUSERRIE (dua kiri) dan Sheikh Umar (tiga kanan) memegang produk berasaskan cendawan nanas hasil penyelidikan UMPSA.

UMPSA terokai potensi dalam industri nanas



UMPSA melakukan pelbagai penyelidikan dan inovasi berkaitan nanas.

Terdapat seramai 22 orang penyelidik yang terlibat dengan penyelidikan berkaitan nanas dan memperoleh dana sama ada di peringkat universiti, KPT atau industri sejak tahun 2015.

YUSERRIE

negara sesuai dengan salah satu fungsi LPNM ini bagi menyokong penyelidikan berkaitan industri.

Ini juga bertepatan dengan usaha meningkatkan ekonomi negara menerusi penghasilan buah nanas berkualiti tinggi bagi pasaran eksport serta produk hiliran.

"Kerjasama ini juga diharapkan dapat membuka ruang lebih luas kepada UMPSA melalui Pusat Penyelidikan Bioaromatik dalam mengkoordinasi kerjasama dengan LPNM dan rakan strategik serta usahawan-usahawan di bawah bimbingan LPNM.

"Ini sekali gus dapat memanfaatkan kedua-dua pihak dalam bidang latihan, penyelidikan inovasi, penulisan, penerbitan, konsultasi serta kumpulan pemikir mengenai teknologi penanaman nanas, hasil sisa nanas serta produk inovasi lain," ujarnya.

Sementara itu, Sheikh Umar Bagharib menyifatkan kerjasama itu membuka peluang besar untuk pengembangan ilmu serta kemahiran dalam bidang penyelidikan dan teknologi pertanian.

Melalui kerjasama itu, terdapat pendedahan yang luas dalam pelbagai aspek seperti IoT, Revolusi Perindustrian 4.0 dan teknologi terkini berkaitan pertanian.

"MoU pada hari ini juga merupakan satu langkah penting dalam merealisasikan Program Kebudayaan yang bertujuan memperkasakan pembangunan industri nanas melalui kerjasama dengan institusi seperti UMPSA.

"Ini selaras dengan hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam teknologi pertanian khususnya industri nanas," ujarnya sebelum menutup bicara.

Kampus

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

UNIVERSITI Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) menerokai industri nanas melalui kerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) baru-baru ini.

Kerjasama strategik tersebut terjalin menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan penyelidikan, pembangunan dan pemerkasaan teknologi dalam industri nanas di negara ini.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Prof. Datuk Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, kerjasama itu bakal memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

"UMPSA sentiasa komited untuk membina kerjasama bermakna bersama agensi lain dalam usaha untuk melahirkan penyelidik dan graduan yang kompeten, kalis cabaran dan menepati kehendak industri pada masa kini.

"Kerjasama kedua-dua pihak ini bermula melalui projek Geran Program Pemindahan Ilmu di bawah program pendanaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2017.

"Program berkenaan berkaitan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ladang nanas oleh sekumpulan penyelidik program yang kini berada di Fakulti Sains dan Teknologi Industri UMPSA," katanya.

Turut hadir pada majlis menandatangani MoU itu adalah Ketua Pengarah LPNM, Mohd. Khairuzamri M.



YUSERRIE (dua dari kiri) bersama Sheikh Umar (tengah) mewakili UMPSA dan LPNM ketika menandatangani MoU di kampus UMPSA, Pekan, Pahang baru-baru ini.

Salleh dan Pengerusi Lembaga Pengarah LPNM, Sheikh Umar Bagharib Ali.

Jelas Yuserrie, kesinambungan daripada projek tersebut, beberapa penyelidik UMPSA telah bekerjasama dengan pihak LPNM Negeri Pahang dalam pelbagai kerjasama inovasi dan penyelidikan berkaitan sisa nanas serta teknologi penanaman.

Ini termasuklah inovasi cendawan nanas oleh Prof. Madya Dr. Aizi Nor Mazila Ramli, baja organik probiotik Prepecto (Dr. Noormazlinah Ahmad) dan dron pembajaan (Ts. Johari Johari) daripada Pusat Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Ternaju.

Selain itu, beberapa penyelidik lain turut terlibat membantu inisiatif LPNM dalam projek 'Pineapple Night Farming' dengan penggunaan kuasa solar dan teknologi internet of things (IoT).

"UMPSA sangat komited dan berharap dapat membantu LPNM dengan kepakaran dalam kalangan penyelidik universiti.

"Terdapat seramai 22 orang penyelidik yang terlibat dengan penyelidikan berkaitan nanas dan memperoleh dana sama ada di peringkat universiti, KPT atau industri sejak tahun 2015," katanya.

Yuserrie berharap, hasil penyelidikan dapat membantu perindustrian nanas

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	BERITA HARIAN	BISNES	26

Agrobank peruntukkan RM200j bantu peneroka miliki rumah

Agrobank memperuntukkan pembiayaan sebanyak RM200 juta bagi membolehkan peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang layak, memiliki rumah pertama di bawah Program Kediaman Mampu Milik-i.

Dalam kenyataannya, bank itu berkata skim pembiayaan berkenaan menjadi bukti dedikasi Agrobank dalam memperkasa komuniti peneroka, selaras dengan sambutan Hari Peneroka FELDA penuh bermakna yang disambut semalam.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata sambutan terhadap kemudahan pembiayaan ini amat memberangsangkan dengan jumlah permohonan mencecah RM137 juta setakat ini.


"Agrobank telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM59 juta kepada pemohon yang layak dan membuktikan komitmen kami dalam membantu peneroka FELDA merealisasikan impian memiliki kediaman sendiri," katanya.

Kerjasama erat antara Agrobank dan FELDA dijalinkan sejak 2020 dan terus membuahkan hasil positif dalam memperkasa kesejahteraan peneroka.

Di bawah Program Pembiayaan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF), Agrobank bukan sahaja menyediakan akses pembiayaan Program Kediaman Mampu Milik-i dengan peruntukan besar pada tahun ini, malah turut menambah baik syarat pembiayaan serta menawarkan kadar keuntungan yang lebih rendah untuk pemohon yang layak.

BERNAMA

Agrobank sedia RM200 juta untuk peneroka beli rumah



TENGKU AHMAD BADLI (tiga dari kiri) pada majlis pengumuman pembiayaan perumahan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

PETALING JAYA – Agrobank memperuntukkan dana pembiayaan sebanyak RM200 juta kepada peneroka yang layak melalui Program Kediaman Mampu Milik-i sebagai usaha memenuhi komitmen bank tersebut terhadap kesejahteraan peneroka.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, tawaran pembiayaan ini adalah hasil daripada hubungan baik yang terjalin antara bank dengan FELDA sejak tahun 2020.

Menurut beliau, melalui Program Pembiayaan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF), Agrobank bukan sahaja menyediakan akses pembiayaan Program Kediaman Mampu Milik-i dengan peruntukan besar pada tahun ini, malah turut menam-

tungan yang lebih rendah untuk pemohon yang layak.

Kerjasama strategik ini diteruskan pada tahun 2021 dengan pembentukan model baharu Program Pembangunan Peneroka (PPP) bernilai RM100 juta, bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi warga peneroka secara holistik.

"Rumah adalah satu keperluan asas yang diperlukan oleh setiap individu sebagai tempat berlindung. Keinginan untuk memiliki sebuah rumah dalam kalangan rakyat semakin meningkat kerana ramai yang sedia maklum bahawa ia adalah aset jangka masa yang panjang.

"Bagaimanapun, harga rumah dan tanah yang kian meningkat menyebabkan faktor kewangan menjadi isu utama dalam kalangan rakyat untuk memiliki kediaman mereka sendiri teru-

tamanya bagi golongan berpendapatan rendah dalam industri pertanian," katanya pada majlis pengumuman dana perumahan itu di sini kelmarin.

Tengku Ahmad Badli menerangkan, sehingga kini, sambutan terhadap kemudahan pembiayaan ini amat mem-berangsangkan dengan jumlah permohonan mencecah RM137 juta.

"Daripada jumlah tersebut, Agrobank telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM59 juta kepada pemohon yang layak, membuktikan komitmen kami dalam membantu peneroka FELDA merealisasikan impian memiliki kediaman sendiri," katanya.

Agrobank dan FELDA telah berkerjasama menyokong kuat Program Pembiayaan Perumahan Generasi Baharu FELDA di pelbagai lokasi di seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14

Beli beras tempatan guna kad pengenalan

Oleh AIMAN ALI
aiman.ali@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan disaran mengehendkan pembelian beras putih tempatan (BPT) kepada warga tempatan sahaja bagi mengatasi masalah kesukaran memperolehnya di pasaran.

Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Prof. Dr. Lee Nan Sang mencadangkan satu sistem untuk merekodkan pembelian BPT kepada semua pengguna, terhadap hanya satu kampil bagi setiap satu kad pengenalan.

Menurutnya, sistem yang diwujudkan ini perlu mengesan rekod pemegang kad pengenalan tersebut sebagai langkah had dan pengawalan pembelian dalam pasaran.

"Adakah BPT dikhaskan dan dihadkan kepada rakyat Malaysia sahaja? Apa mekanisme digunakan untuk memastikan beras putih tempatan dijual kepada rakyat Malaysia dan bukan warga luar negara terutama pekerja asing?"

"Saya berpendapat pekerja asing merupakan satu golongan yang banyak membeli beras putih tempatan kerana ia merupakan sumber tenaga utama mereka. Namun, adakah ini dipantau dan terkawal?" katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, jawapan Parlimen Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu memaklumkan, sebanyak 1,428,391 kampil BPT 10 kilogram telah diedarkan di seluruh negara setakat 25 Jun tahun ini.

Jumlah itu melibatkan 1,217,526 kampil diedarkan di pasar raya, 109,340 kampil diedarkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan 101,525 kampil diedarkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Selain itu, Nan Sang turut mempersoal jumlah yang diedarkan di pasaran itu mampu menampung permintaan pasaran pada satu-satu tempoh.

"Bagi jumlah 1.4 juta kam-



Sistem yang diwujudkan ini perlu mengesan rekod pemegang kad pengenalan tersebut sebagai langkah had dan pengawalan pembelian dalam pasaran."

DR. LEE NAN SANG

pit BPT itu, untuk jangka masa berapa lama? Adakah jumlah itu diedarkan ke dalam pasaran sepanjang masa atau seketika sahaja?" soalnya.

Sementara itu, Penasihat Undang-Undang Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Sukhdave Singh berkata, perubahan trend pembelian beras putih import kepada BPT memberi kesan kepada bekalan dalam pasaran.

"Permintaan BPT naik mendadak disebabkan harga beras import kini lebih mahal di pasaran. Dahulu, ramai yang menggunakan beras import tetapi kini sudah beralih ke BPT."

"BPT bukan hanya dibeli oleh pengguna malah pengusaha makanan juga. Ini belum lagi mengambil kira pembelian yang dilakukan oleh pekerja asing," katanya.

Di samping itu, Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM), Azlin Othman berkata, bekalan BPT akan berterusan selagi tahap sara diri (SSL) negara pada paras yang rendah.

"Isu berhubung bekalan BPT akan berterusan selagi tahap sara diri (SSL) bagi bahan itu tidak mencapai 80 peratus. Oleh itu, KPKM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu memainkan peranan bagi mengatasinya," katanya.

Tangani isu anjing liar, kenaikan harga makanan

Dipilih sekali lagi sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Laksamana, Low Chee Leong pada Pilihan Raya Negeri (PRN), tiga tahun lalu menunjukkan bahawa para pengundi kawasan

itu masih memerlukan khidmat beliau sebagai wakil rakyat.

Lebih-lebih lagi, beliau juga pernah memegang jawatan Exco Kesihatan dan Anti Dadah ketika Melaka dipimpin oleh Ketua Menteri terdahulu, Adly

Zahari dan hal ini mendorong beliau mahu terus memperjuangkan isu rakyat termasuk isu anjing liar. Ikuti temubual wartawan **Sinar Harian**, **NOR FARHANA YAAOCB** dengan Chee Leong, baru-baru ini.



ILUSTRASI: SYED MOHD BADRI HISHAM/EPIC

SINAR HARIAN: Umum sedia maklum masalah anjing liar dan anjing terbiar masih lagi diperkatakan dan belum ada penyelesaian yang tuntas kepada masalah ini. Apa pandangan YB dalam menyelesaikan isu ini?

CHEE LEONG: Kesedaran komuniti adalah penting untuk menjaga kebersihan, kesihatan awam dan ketenteraman dalam hal berkaitan isu anjing terutama anjing-anjing liar.

Kehadiran anjing-anjing liar merupakan satu masalah kepada penduduk di mana-mana terutama di kawasan perumahan. Saya berharap usahasama antara pihak berkuasa tempatan (PBT), badan bukan kerajaan (NGO), komuniti dan individu yang memelihara haiwan peliharaan ini dapat dieratkan untuk menangani masalah anjing liar.

Ini kerana kebimbangan kita, anjing-anjing liar ini mungkin akan menyerang orang awam terutama penunggang motosikal, kanak-kanak, pejalan kaki dan penunggang basikal sehingga berlakunya kemalangan seperti mana yang pernah dilaporkan sebelum ini.

Begitu juga dengan haiwan peliharaan. Adalah menjadi tanggungjawab individu yang memelihara haiwan kesayangan mereka yang mana haiwan-haiwan dipelihara harus dijaga dengan rapi dari segi kesihatan dan kebersihan.

Pihak PBT pula perlu mengurangkan populasi anjing-anjing liar dengan menjalankan operasi tangkapan yang berterusan. NGO dan PBT juga boleh menjadualkan program kesedaran kembari sebagai salah satu langkah mengawal populasi anjing dan binatang lain seperti kucing terbiar.



Chee Leong ketika melawat mangsa kebakaran kedai makan di Medan Selera Taman Kenanga.

Malah orang ramai juga diminta jangan memberi makanan kepada anjing ataupun haiwan liar termasuklah tidak memberi makanan kepada burung gagak.

Jika dilihat masalah anjing liar sentiasa menghantui orang awam termasuk di taman perumahan baharu. Apakah cadangan YB dalam mengurangkan masalah anjing liar di kawasan perumahan?

Memang dialu-alukan semua pihak mengambil berat dalam isu menangani masalah binatang liar dan terbiar seperti anjing dan kucing.

Saya harap kita boleh mencadangkan atau mengenakan syarat kepada pihak pemaju perumahan untuk memberi bantuan dari segi menyediakan sangkar atau perangkap di setiap projek perumahan baharu.

Sekurang-kurangnya ini salah satu inisiatif kita dalam usaha mengurangkan

kes-kes anjing liar memandangkan kita faham kekangan tenaga kerja penguat kuasa kerana di Melaka ini terdapat banyak taman perumahan selain perlu menjaga kampung-kampung.

Jadi sekiranya binatang itu masuk ke dalam perangkap, kita boleh menghubungi PBT untuk menguruskannya. Selain itu bagi saya, kita perlu memperbanyakan lagi kempen kesedaran orang awam tentang tanggungjawab untuk pelihara binatang harus dijadualkan supaya tidak berlaku kes-kes ancaman binatang terbiar dalam komuniti.

Dalam kehidupan bermasyarakat ini pentingnya peranan kerajaan iaitu PBT, peranan komuniti, peranan NGO dan peranan individu yang saling berkaitan.

Saya juga berharap setiap taman perumahan dapat mengaktifkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan persatuan taman agar setiap masalah yang timbul di kawasan mereka dapat disalurkan dengan cara yang betul untuk diambil tindakan segera.

Sebagai Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, apakah usaha yang dilakukan kerajaan negeri bagi membantu rakyat berdepan dengan kenaikan harga barangan?

Hubungan di antara peladang kepada pengguna harus dipergiatkan dengan menyediakan medium untuk peladang atau petani kecil meraih pendapatan menerusi jualan hasil tanaman terus kepada pengguna.

Saya yakin cara ini masih relevan dalam memastikan pengguna mendapat barang mentah atau hasil pertanian dengan lebih murah, lebih ekonomi dan segar. Sekali gus jualan terus ini dapat minima keuntungan orang tengah.

Sehingga sekarang juga, kita masih menyokong dan menggalakkan kewujudan pasar tani di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA). Malah setiap tahun ada sahaja sasaran FAMA untuk menambahkan lagi bilangan pasar tani di negeri ini, agar pengguna lebih banyak peluang untuk membeli dengan harga berpatutan.

Selain itu tidak ketinggalan agro MADANI. Jualan Rahmah bergerak digalakkan di semua komuniti supaya rakyat dapat menikmati jualan yang lebih murah lagi segar.

Sebenarnya banyak usaha yang dilakukan kerajaan dalam meringankan beban dan memanfaatkan rakyat. Begitu

PROFIL

Nama: Low Chee Leong

Umur: 61

Isteri: Cheong Ei Leen

Kelulusan akademik: Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia dari Open University Malaysia

Jawatan: Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka

Jawatan dalam parti: Ahli Jawatankuasa DAP Melaka

juga sekarang ini di Melaka kita anjurkan Melaka AgroFest 2024 di Dataran Sejarah Ayer Keroh.

Program tersebut menjadi platform untuk mempromosikan hasil pertanian dan keluaran usahawan bagi mengangkat produk tempatan ke pasaran yang lebih luas.

Selain itu kita dapat mengelakkan lambakan buah-buahan seperti durian dan nanas kerana kita sediakan juga gerai jualan buah-buahan kepada pengguna.

Yang penting juga, kita perlu berterusan menggalakkan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan di persekitaran perumahan seperti tanah lapang atau halaman rumah dengan syarat tidak menghalang laluan orang awam dan mendatangkan cacau ganggu kepada orang lain.

Tujuannya adalah mendapat hasil tanaman seperti sayuran bagi meringankan kos sara hidup harian.

Pandangan YB terhadap Kerajaan Perpaduan yang telah lebih setahun diterjemahkan di negeri ini?

Bagi saya ia merupakan pentadbiran yang mantap, tadbir urus yang positif bagi merealisasikan kegemilangan Melaka Maju Jaya.

Paling utama dapat menyatupadukan semua kaum dan perwakilan politik dalam pentadbiran negeri ini sekali gus satu kelebihan untuk menjaga kestabilan politik di bawah payung Kerajaan Perpaduan.



Chee Leong (empat dari kiri) bersama masyarakat dalam program kempen derma darah.